

INFO@HEPA

Kelab Keusahawanan Siswa telah ditubuhkan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan secara asas kepada mahasiswa dalam bidang perniagaan. Lebih daripada 150 mahasiswa telah mendaftar sebagai ahli Kelab Keusahawanan Siswa UniMAP setakat ini, menurut kata Bulyami Bin Md Saad yang juga Presiden Kelab Keusahawanan Siswa UniMAP. Kelab ini juga, begitu aktif dalam menganjurkan Bazaar Ramadhan pada setiap tahun bagi menyediakan juadah berbuka puasa kepada mahasiswa yang lain.. Selain daripada itu, Kelab Keusahawanan Siswa UniMAP juga aktif dalam menyertai bengkel-bengkel dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak MeCD dan pihak luar yang lain. Antaranya ialah Technopreneur Academy Programme, Bengkel dan Seminar Gerak Usahawan 2007 dan program yang terbaru dibawah anjuran Kelab Keusahawanan Siswa UniMAP ialah Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UniMAP 2008 anjuran bersama Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan(PKKK) dan Pusat Kerjaya Industri (CIC).



*Kelab Keusahawanan
Siswa Unimap*